



27 JAN, 2022

Melaka wujud pasar Subuh di masjid

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Melaka wujud pasar Subuh di masjid

Imarahkan masjid, platform petani dan pekebun jual hasil tani

Oleh NOR FARHANA YAACOB

JASIN

Melaka akan menjadi perintis untuk mewujudkan pasar Subuh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di 50 masjid pada pertengahan Februari depan.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhammd berkata, cadangan diberikan kerajaan negeri itu akan dapat mentransformasikan peranan masjid bukan sahaja

tempat beribadat namun tempat berniaga.

Menurutnya, langkah itu juga dapat mengimarahkan masjid sebagai platform kepada petani dan pekebun menjual serta mempromosikan hasil pertanian mereka.

"Cadangan kerajaan negeri itu kita terima pada Disember tahun lalu dan jika dilaksanakan di masjid mungkin jemaah dapat membeli selepas solat Subuh, sekali gus dapat menarik jemaah untuk menuaikan solat di masjid.

"Mungkin kita boleh mulakan jam 6.30 pagi dan apa yang kita buat ini bagi membantu petani memasarkan hasil pertanian dan menambahkan pendapatan mereka," katanya.

Ghazale berkata demikian pada program Jualan Pasar Tani Khas sempena Tahun Baharu Cina 2022 di Pasar Tani Rim Jasin pada Rabu.



Ghazale (tengah) dan Hairudin (kiri) melihat sayur-sayuran ketika program Jualan Pasar Tani Khas sempena Tahun Baharu Cina 2022 di Pasar Tani Rim Jasin pada Rabu.

Khas sempena Tahun Baharu Cina 2022 di Pasar Tani Rim Jasin pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah FAMA Melaka, Hairudin Yunos.

Mengulas lanjut, beliau ber-

kata, pelaksanaannya masih dalam perbincangan dengan agensi berkaitan, termasuk Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan persatuan peniaga-peniaga kecil negeri Melaka.

"Jadi orang ramai bukan sahaja boleh membeli barang basah, runcit sebagainya, tetapi ada juga peniaga-peniaga kecil yang menjual sarapan dan makaman," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Ghazale memberitahu, FAMA turut menyasarkan 50 lokasi Melaka Agro Market (MAM) diwujudkan pada tahun ini bagi membantu petani mempromosikan hasil pertanian mereka sekali gus mengelakkan lambakan hasil tanaman serta kerugian.

"Setakat ini terdapat 11 lokasi MAM antaranya di Seri Negeri Ayer Keroh, Sungai Rambai, Kampung Tun Razak Bukit Katil, Paya Dalam dan pada Sabtu ini akan diwujudkan MAM di Bukit Beruang," beritahu.



27 JAN, 2022

Melaka wujud pasar Subuh di masjid

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Imarahkan masjid, platform petani dan pekebun jual hasil tani

Melaka akan menjadi perintis untuk mewujudkan pasar Subuh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di 50 masjid pada pertengahan Februari depan. Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhammd berkata, cadangan diberikan kerajaan negeri itu akan dapat mentransformasikan peranan masjid bukan sahaja JASIN

tempat beribadat namun tempat berniaga. Menurutnya, langkah itu juga dapat mengimarahkan masjid sebagai platform kepada petani dan pekebun menjual serta mempromosikan hasil pertanian mereka.